

Qalam

KDN 434

161 Rajab/Shā‘abān 1383, Disember 1963 60¢

Kedudukan Agama Islam di Singapura

Singapura sekarang telah bercantum dengan Persekutuan Tanah Melayu di dalam Malaysia. Dengan percantuman itu maka dengan sendirinya kuasa Yang di-Pertuan Negara

Singapura telah habis terhadap kepada melaksanakan hukum Islam terhadap orang-orang Islam, demikian juga urusan mengenai agama Islam, sama ada perihal

Jabatan Qadi atau pun Majlis Penasihat Islam

Kerajaan Singapura yang telah berzaman-zaman dikongkong oleh golongan-golongan yang “mengutamakan kawan-kawan” itu telah pun habis kuasanya.

Yang demikian ini terjadi ialah kerana di dalam

Perjanjian Percantuman Singapura dalam Malaysia ada

menyebut bahawa “Berhubung dengan agama Islam maka akan diadakan syarat-syarat seperti di Melaka dan Pulau Pinang, bahawa

Yang di-Pertuan Agong akan menjadi Ketua Agama Islam

dalam negeri dan sebuah Majlis Agama Islam akan

ditubuhkan guna menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam perkara yang berkaitan dengan agama Islam.”

Berdasarkan inilah, sesudah 16 September

1963 gugurlah kuasa, dalam perkara-perkara mengenai agama

yang ada, dan gugurlah kuasa qadi-qadi Singapura dengan

lantikannya yang dahulu, dan jika tidak ada tauliah baharu

maka dengan sendirinya qadi ataupun *Chief Qadi*

menurut pandangan kita tidak sah menjadi wali hakim

bagi sesuatu perkahwinan yang berhajat kepada wali hakim.

Dengan adanya perubahan atau peralihan kuasa ini

pula maka berubahlah pula kuasa yang tadinya terletak

di tangan Yang di-Pertuan Negara kepada Yang di-Pertuan Agong,

dan terlepaslah pula umat Islam Singapura daripada

bakal tercebur meletakkan kuasa agamanya kepada orang yang

bukan Islam, sekiranya Yang di-Pertuan Negara sekarang

bertukar dengan orang bukan Islam seperti yang terletak

di dalam Perlembagaan Singapura kerana sekarang ketua

agama terpulang kepada Yang di-Pertuan Agong.

Demikian juga segala sesuatu undang-undang yang

bakal dikatakan kepada orang-orang Islam Singapura tidaklah

lagi akan dijalankan dengan tidak lebih dahulu

disetujui oleh Yang di-Pertuan Agong; sekalipun

ada penasihat-penasihatnya yang dilantik untuk menentukan hal

ehwal perkara-perkara agama yang mengenai umat Islam

Singapura.

Kalau diperhatikan adanya pemerintah sekarang, maka

jelas parti pemerintah yang kuat adalah terdiri daripada

PETIR. Parti ini berkuasa penuh dalam persoalan

politik di Singapura. Di dalam Parti PETIR yang

menjadi wakil rakyat di dalamnya ada tujuh orang Islam

tetapi kepada mereka, sepanjang pengalaman dan yang dapat

dilihat, tidaklah boleh diharap yang mereka akan dapat

berdiri sepenuhnya untuk mempertahankan agama Islam dan

undang-undangnya, terutamanya apabila ada perkara-perkara yang bakal ada kena mengena dengan dasar partinya.

Kerana itu telah tibalah masanya umat Islam di Singapura mengadakan suatu perjumpaan, membentuk suatu tubuh untuk menuntut supaya diadakan perubahan-perubahan am terhadap bentuk “Majlis Agama Islam” yang diluluskan untuk dibentuk yang bakal menasihati Yang di-Pertuan Agong di dalam perkara-perkara mengenai agama Islam di Singapura ini kerana kita dapat bentuk-bentuk yang dibina dahulu, seperti yang ada di dalam Majlis Penasihat Islam, adalah sentiasa membawa keputusan-keputusan yang banyak bertentangan dengan hukum-hukum Islam. Dasar-dasar hukum agama Islam hendak diubah sehingga ada ulama-ulama yang duduk di dalamnya yang berasa tidak puas hati disebabkan hukuman-hukuman agama yang dibahas di situ digunakan undi sehingga hukum-hukum itu, tatkala dikemukakan kepada umum, mendapat tentangan yang hebat daripada umum.

Terbit daripada “kebijaksanaan nasihat” daripada Majlis Penasihat Islam dahulu itulah timbul beberapa perkara yang mengelisahkan umat Islam di Singapura. Perkara-perkara yang akan kita sebutkan di bawah ini nanti haraplah kiranya mendapat perhatian Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong, sebagai Ketua Agama, supaya Seri Paduka segera bertindak melepaskan kegelisahan yang dipikul oleh umat Islam Singapura yang dijalankan oleh kerajaan Singapura dengan “nasihat” Majlis Penasihat Islam kerajaan Singapura yang telah lalu.

Perkara-perkara yang mustahak segera diperhatikan oleh Seri Paduka Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong terhadap kepada “paksaan” yang dihadapkan kepada umat Islam

mengikutnya, yang dipandang bertentangan dengan ajaran agama Islam ialah:

1. Undang-undang Islam yang dikuatkuasakan pada

tahun 1957 “Seorang suami tidak boleh menceraikan isterinya melainkan dengan persetujuan isteri itu sendiri.”

Sepanjang yang kita ketahui dan kita dapati daripada beberapa iklan-iklan menuntut cerai ini telah dilaksanakan di dalam mana perceraian yang sah mengikut syarak tidak dibolehkan bercerai – tergantung beberapa lama.

2. Di dalam Undang-undang pindaan tahun 1960 dari

Undang-undang Islam yang tersebut itu yang kuatkuasanya berjalan ada menyambut bahawa *Chief Qadi* sahaja (yang dibolehkan) boleh mengkahwinkan seseorang yang ada mempunyai isteri apabila ia berpuasa hati “yang demikian itu tidak bertentangan dengan syarak”. Di dalam apa yang terjadi amalan itu tidak berjalan.

Yang diamalkan bukannya kelulusan syarak tetapi ada peraturan-peraturan yang tidak didasarkan undang-undang yang pernah dijalankan melarang sama sekali perkahwinan-perkahwinan orang-orang yang ada isteri (bermadu). Pada mulanya sangat ketat tetapi kemudian lembut sedikit sesudah ribut bantahan-bantahan dibuat tetapi sekalipun begitu peraturan-peraturan itu sangat diketatkan pada hal ia tidak bertentangan dengan hukum syarak.

Orang-orang Islam yang bermastautin bertahun-tahun di sini disekat daripada berkahwin apabila ia

ada mempunyai seorang isteri di negerinya dan kerana itu ia menghadapi dua perkara:

1. Berzina (kerana tidak dapat menahan dirinya).
2. Bersumpah bohong

Di dalam perkara yang pertama halnya tersembunyi – antaranya Tuhannya tetapi kalau kerana ia ditahan hendak mencari yang halal maka yang mengadakan peraturan (ertinya negeri) yang bertanggungjawab terhadap perbuatannya.

Yang kedua – apabila diketahui kemudiannya yang ia ada mempunyai isteri lalu dihukumkan dengan bersumpah bohong kerana menjauhkan zina dan kerananya pernah kejadian dihukum penjara kerana bersumpah bohong, iaitu suatu kesalahan.

Semua peraturan ini bertentangan dengan syarak – pada hal kuasa yang ada kepada *Chief Qadi* boleh menghawinkan seseorang yang telah ada isteri jika tidak bertentangan dengan syarak.

3. Perkara “*Women Charter*” dikenakan kepada orang-orang Islam – adalah perkara yang tidak sekali-kali disangka oleh umat Islam sendiri, sebab tatkala persoalan itu dibawa ke dalam Majlis Undangan maka dijelaskan bahwa undang-undang itu tidak ada kena mengena dengan umat Islam.
4. Cara mengkaji sesuatu undang-undang agama yang akan diambil kuatkuasanya oleh kerajaan dari Majlis Penasihat Islam dahulu adalah hal-hal yang mustahak diselidiki kerana cara yang dibuat bukannya mengikut kemahuan agama

dan ulamanya tetapi hukum agama yang difatwakan oleh ulama yang duduk di dalamnya dikebelakangkan. Ini dapat diperhatikan atas peristiwa Rang Undang-undang Hukum Islam 1960 yang telah ditarik semula “untuk disemak” dahulu sebagai buktinya sehingga ulama yang berada di majlis itu menyertai bantahan-bantahan umum ke atasnya.

5. Cara-cara lantikan hendaklah dibuat didasarkan kepada kelayakan – bukannya di atas kedudukan seseorang. Seseorang yang ada kena mengena dengan kerajaan, terutamanya yang memegang kerja-kerja yang mas’ul mestilah ditolak daripada menjadi ahli. Majlis itu hendaklah ditadbir oleh seorang pentadbir, bukan sebagai ketua dan ahli-ahli majlisnya hendak bebas terdiri daripada orang-orang luar yang tidak ada hubungannya dengan kerajaan. Janganlah seperti yang selalu biasa dibuat dahulu.
6. Perkara-perkara yang mengenai syarak hendaklah diikut mengikut kehendak syarak itu sendiri – dibahas oleh “ahlinya” dan keputusan itu muktamad – tidak ditakwil-takwilkan. Keadaan seperti dahulu yang nampaknya boleh disebut sebagai bertutup ibu tidaklah dikehendaki.

Banyak lagi perkara-perkara yang wajib dihalusi dan diselidiki untuk menjadi panduan kelak menuju ke Majlis Agama Islam di Singapura.